

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

18. Perkhidmatan Air.

- (a) Apakah jaminan Kerajaan Negeri untuk melindungi hak rakyat dalam industri perkhidmatan air?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. (a) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sedang berusaha untuk memastikan bekalan air mencukupi tanpa catuan sehingga tiba musim hujan. PBAPP harus mendahulukan objektif utamanya iaitu tidak ada catuan air dalam apa cara pun sehingga tiba musim hujan. Memandangkan senario mencabar ini, PBAPP memulakan lima (5) langkah proaktif utama berikut untuk memastikan bekalan air yang mencukupi sehingga hujan tiba pada bulan April 2020:

**1. Minimumkan pelepasan dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.**

PBAPP mengeluarkan amaran air kepada awam pertama 2020 pada 15 Mei 2020. Sejak itu, PBAPP telah meminimumkan pelepasan dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang untuk memanjangkan jangka hayat simpanan kemarau di Pulau Pinang.

Jadual berikut menunjukkan kesan kepada langkah ini:

<b>Bil.</b>	<b>Empangan</b>	<b>Kapasiti Efektif 14.01.2020</b>	<b>Kapasiti Efektif 25.03.2020</b>	<b>Perbezaan %</b>
1	Air Itam	62.0%	37.2%	24.8%
2	Teluk Bahang	39.5%	23.0%	16.5%

## **2. Maksimumkan pengeluaran air di LRA Sungai Dua**

Untuk memenuhi permintaan air, PBAPP telah mengoptimumkan pengeluaran air terawat di loji rawatan air terbesar Pulau Pinang, LRA Sungai Dua. Purata pengeluaran air terawat dari LRA Sungai Dua adalah 950MLD sejak 1.1.2020. Langkah ini memastikan tiada isu bekalan di Pulau Pinang walaupun pelepasan dari Empangan Teluk Bahang diminimumkan

## **3. Pelepasan strategik dari Empangan Mengkuang**

Berikutan musim kemarau, paras Sungai Muda, sumber utama air mentah untuk LRA Sungai Dua adalah rendah. Selain itu, kapasiti Empangan Muda di Kedah dilaporkan pada paras kritikal 4.62% pada 25.3.2020. Mujurlah, Empangan Beris (kapasiti 45.64% pada 25.3.2020) masih melepaskan air agar Sungai Muda terus mengalir. Pada 25.3.2020, kapasiti efektif Empangan Mengkuang adalah 69.4%. PBAPP telah membuat pelepasan air antara 20MLD sehingga 100MLD dari Empangan Mengkuang sejak 8.1.2020 untuk menambah abstraksi harian air mentah dari Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang. Pelepasan ini adalah perlu untuk menyokong operasi pengeluaran air yang optimum di LRA Sungai Dua.

#### **4. Memohon meneruskan operasi pembenihan awan**

Sehubungan itu, operasi pembenihan awan untuk Kedah dan Pulau Pinang mesti diteruskan semasa musim kemarau ini, untuk mencetuskan hujan sebanyak mungkin bagi mengekalkan atau meningkatkan kapasiti efektif empangan di kedua-dua negeri. Operasi pembenihan awan ini penting untuk menghasilkan kesan serta-merta, serta mengurangkan risiko kemarau yang berpanjangan. Y.A.B. Ketua Menteri telah menulis surat kepada Ketua Pengarah Meteorologi Malaysia pada 5 Mac 2020. Mengikut siaran media Jabatan Meteorologi Malaysia pada 25 Mac 2020 musim hujan dijangka bermula pada 27 Mac 2020 hingga Mei 2020.

#### **5. Pengurusan tekanan**

Pihak PBAPP memohon agar semua rakyat Pulau Pinang memahami dan menyokong usaha penjimatan air dan menggunakannya secara berhemah sehingga musim hujan bulan April 2020 nanti. Sehingga musim hujan bermula pada bulan April 2020 rakyat negeri Pulau Pinang perlu penjimatan air. Berikut adalah cara penggunaan air yang diperakukan:-

- (i) Elak penggunaan hos;
- (ii) Gunakan penyapu dan mop untuk membersihkan rumah anda;
- (iii) Kurangkan kekerapan mencuci kereta atau motosikal, dan gunakan baldi dan span apabila anda berbuat demikian; dan
- (iv) Gunakan penyiram untuk menyiram di taman atau pokok-pokok.